

KATA ADJEKTIF

LATIHAN 1 : Pilih dan tuliskan kata adjektif dalam ayat - ayat di bawah ini ke dalam ruang yang disediakan.

1. Kereta yang dibelinya itu agak mahal.
2. Buah rambutan yang masih muda kelat rasanya.
3. Kereta itu terjunam ke dalam gaung yang dalam.
4. Pakailah pakaian seragam sekolah dengan kemas.
5. Persembahan artis dari Malaysia itu hebat sekali.
6. Badannya berasa gatal kerana digigit nyamuk.
7. Pepohon rendang di tepi pagar sekolah itu telah ditebang.
8. Haiwan peliharaan yang garang mesti diikat oleh pemiliknya.
9. Kraftangan yang dibuat oleh datuk saya cantik buatannya.
10. Pertunjukan yang diadakan di dewan itu mendapat sambutan hangat.

LATIHAN 2 : Pilih kata adjektif yang paling sesuai

1. Makanan itu telah _____ dan berbau _____.
A. kotor, hapak B. basi, busuk C. lemau, garing
2. Pak cik saya memang orang _____ tetapi beliau seorang yang _____.
A. kaya, papa B. berada, baik hati C. miskin, duka
3. Budak yang berbadan _____ itu suka memakai pakaian berwarna _____.
A. gempal, gelap B. gemuk, lurus C. comel, padat
4. Lebuhraya yang menghala ke kota memang _____ dan _____.
A. lurus, lebar B. panjang, tegak C. sempit, longgar
5. Kakak menghiris bawang itu _____ sebelum memasukkannya ke dalam sup ayam.
A. tebal-tebal B. nipis-nipis C. lumat-lumat

6. Pokok yang _____ dan berdaun _____ itu ditanam oleh datuk kami.
A. pendek, besar B. kecil, berat C. rendang, lebat
7. Longkang di belakang rumahnya sudahlah _____, berbau _____ pula.
A. malap, masam B. lembap, sesak C. kotor, busuk
8. Sungai ini tidak _____ tetapi aliran airnya _____ sekali.
A. dalam, deras B. cetek, keruh C. sempit, cepat
9. Nenek Munir sudah _____ dan _____ pula.
A. tua, bongkok B. berusia, bengkok C. lama, serong
10. Keropok yang _____ itu _____ rasanya.
A. lemau, pedih B. keras, harum C. garing, sedap

(20 markah)